

## ISI-UTM Urban Mountain Bike Jamboree 2019



Depan dari kanan : Prof. Dr. Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin, Prof. Dr. Azlan Abdul Rahman serta Prof. Madya Dr. Khairul Anwar Mohamad Khaidzir sebelum pelepasan peserta.

**Skudai, 19 Januari, 2019** - Lebih 600 penggemar aktiviti sukan berbasikal lasak dari dalam dan luar negara menyertai ISI-UTM MTB Urban Jamboree 2019 di kampus Universiti Teknologi Malaysia, Skudai pada Sabtu, 19 Januari 2019 bertempat di Laman Menanti, UTM serta sekitar kampus.

Program berbasikal ini adalah acara yang pertama kali dianjurkan oleh Institut Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia bersama Orang Johor Cycling Team (OJCT) dengan sokongan bersama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Johor (MOTAC). Penganjur acara ini juga terdiri daripada nama-nama besar seperti Kulim Malaysia Berhad, McDonald's Malaysia serta XT-Cool Cream.

Turut serta dalam program tersebut ialah Timbalan Naib Canselor Pembangunan, Prof. Dr. Azlan Abdul Rahman yang dijemput untuk merasmikan program tersebut. Menurut Pengarah Eksekutif ISI, Prof. Dr. Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin, penganjur acara ini merupakan salah satu inisiatif ISI bagi menyahut saranan kerajaan dalam menggalakkan lebih ramai rakyat mengamalkan gaya hidup sihat disamping memperkenalkan ISI serta kampus UTM kepada masyarakat. Dalam masa yang sama dapat memperkenalkan keindahan kampus UTM kepada orang luar.

Acara dibahagikan kepada 2 disiplin iaitu Jamboree bagi kayuhan sejauh 30km dan Fun Ride bagi kayuhan santai sejauh 15km. Kayuhan Basikal Gunung (MTB) atau basikal lasak adalah merupakan aktiviti yang semakin mendapat tempat di kalangan peminat sukan berbasikal di Malaysia. Peserta terdiri daripada kalangan penganjur basikal lasak dari Malaysia, Indonesia serta Singapura.

Program ini bukan sahaja untuk aktiviti berbasikal sahaja malahan ia lebih bersifat eko pelancongan. Peminat basikal dari luar dan dalam negeri Johor khususnya dapat berkumpul dan menjelajahi Kampus UTM Johor Bahru yang dikenali sebagai 'Campus Edutourism'.

Selain peserta menyertai aktiviti berbasikal, mereka dan seisi keluarga yang hadir juga dapat menikmati keindahan alam sekitar yang bersih di samping dapat meluangkan masa bersama keluarga dengan melawati tempat edu pelancongan seperti Taman Rusa, dusun buah-buahan, ladang orkid, hutan rekreasi, Taman Tropika, dan lain-lain tempat menarik yang terdapat disekitar kampus. Program ini juga diharapkan dapat memberikan penekanan dan kesedaran dari aspek kesihatan dan kecerdasan diri, di samping menggalakkan lagi aktiviti gaya hidup sihat di dalam kampus.



# Malaysia Architectural Study Tour 2019 - The University of Kansas



**Kuala Lumpur, 5 January, 2019** - A group of 39 architectural students accompanied by 2 faculty members from The University of Kansas (KU), Lawrence, USA had visited the Faculty of Built Environment and Surveying (FABU) of Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Visits by Kansas University to UTM started in 2010 where KU has chosen Malaysia as one of the countries to be a case study for its 'Study Abroad Program'. Other than Malaysia, the program has also chosen Singapore and Japan for their visit.

The director of Malaysia Architectural Study Tour, our Head of ISIKL, Assoc. Prof. Dr. Gurupiah Mursib said that this study tour which took place between January 4th and 11th received an unexpected response from KU students.

According to Assoc. Prof. Dr. Kapila Silva, head of the KU delegation, the rapidly developing Malaysia which is rich in culture is the main reason it was selected for the study, together with Singapore, and Japan.

"For this purpose, ISI, with the support from the School of Architecture, Faculty of Built Environment and Surveying UTM, had prepared a special programme of 8 days and 7 nights excursion covering Johor, Melaka, Kuala Lumpur, Putrajaya and Selangor." He also stated that architecture in Malaysia offers a different experience from the modern architectural era (1955-1970), through the postmodern era (1971-1990) and the global era (1991- 2017).

Dr. Gurupiah later explained that the global era are represented by skyscrapers such as the Petronas Twin Towers, Kuala Lumpur Tower, The Fennel, and the OBYU Tower. Also included are buildings with special concepts such as PAM Center, Arc Rimbayu, Bamboo Playhouse House and PJ Trade Center.

"The beauty of this programme is that it directly features architects of the selected buildings. The 2018 study has featured Ar. Jimmy Lim as the highlight of the study while for 2019, the programme will involve Dato 'Dr Ar Ken Yeang and Ar Wooi Lok Kuang.

"Ken Yeang's architecture was represented by Menara Mesiniaga, Roof-roof House, and the Suasana Putrajaya while Wooi showcased his architecture of houses including his own home," said Prof. Gurupiah. The welcoming session for the delegates was held at the Faculty of Architecture and Survey, UTM Johor Bahru campus on the 4th of January, followed by a lunch session at Ar. Razin Mahmood's Denai House in Kempas, Johor Bahru. Also present during the welcoming session were the Executive Director of ISI, Prof. Dr. Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin; Dean of the Faculty of Architecture and Survey, Prof. Dr. Mohd. Hamdan Hj. Ahmad as well as Associate Director (Student Services & Global Education Experience), Prof. Dr. Nor Haniza Sarmin.

This programme reflects the strong ties between UTM and KU, and will soon be made official via MoU, as mentioned in Prof. Dr. Mohd Hamdan's welcoming speech.



# Program Pemindahan Teknologi, Pengetahuan dan Anak Angkat Berjaya Mencetus Komuniti Berdaya di Bandar Bukit Puchong

**Bukit Puchong, 31 March 2019** - Program Pemindahan Teknologi, Pengetahuan dan Anak Angkat Pangsapuri 560 Bandar Bukit Puchong 2019 usaha bersama Institut Sultan Iskandar (ISI), Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU), serta Pusat Kursus Umum dan KoKurikulum (CCSL), yang berlangsung 28 hingga 31 Mac 2019 telah berjaya menjadi pencetus komuniti berdaya; sekali gus membantu pencapaian matlamat Program Rejuvenasi Pangsapuri Bukit Puchong yang merupakan wawasan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).



*Pelajar UTM pada hari pertama Program Anak Angkat.*

Kemeriahan program pada kali ini yang berlangsung sempena cuti sekolah selama 4 hari 3 malam bermula Khamis lalu membuktikan bahawa pihak komuniti ini amat mengalu-alukan kehadiran 60 orang mahasiswa UTM sebagai anak angkat kepada 21 keluarga. Program Anak Angkat yang sokong oleh Pusat Khidmat DUN Seri Serdang ini berjaya memanfaatkan 560 isi rumah dari aktiviti khidmat komuniti yang merupakan sebahagian daripada usaha transformasi masyarakat berpendapatan rendah di sana.

Prof. Madya Dr. Gurupiah Mursib, Ketua Projek Rejuvenasi Pangsapuri 560 Bandar Bukit Puchong dari Institut Sultan Iskandar Kuala Lumpur yang ditemui semasa Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah berkata, Program Anak Angkat yang kedua diadakan ini, terbukti sebagai satu kaedah yang sangat berkesan untuk memperkasa segenap lapisan komuniti menerusi pelbagai pengisian yang dipindahkan oleh pelajar-pelajar UTM sendiri.



*Prof. Madya Dr Gurupiah Mursib (tiga dari kanan) bersama pelajar dan penduduk.*

Kini komuniti Bukit Puchong dapat memanfaatkan segala ilmu pengetahuan dan kemahiran yang telah dikongsikan. Beliau berharap agar komuniti Bukit Puchong ini terus bersatu padu dan berdaya maju dalam memastikan kejayaan dan kelangsungan program ini demi membina kejitiranan yang lebih baik. Sebanyak 28 aktiviti dan 11 bengkel dijalankan selama 4 hari berkenaan melibatkan setiap tujuh blok kejitiranan. Kesemua aktiviti dan bengkel tersebut dikawal selia oleh Ts. Dr. Syamsul Hendra

Mahmud, selaku Pensyarah FABU dan Penyelia Kursus bagi pelajar UTM yang terlibat.

Beliau berkata, faedah program ini adalah bersifat dua hala, yang mana bukan sahaja penduduk setempat memperoleh ilmu pengetahuan, malahan para pelajar dapat meningkatkan kemahiran generik mereka selain mendapat peluang untuk melibatkan diri secara aktif sebagai ahli jawatankuasa program.

Persediaan program ini memakan masa hampir dua bulan bagi memastikan aktiviti-aktiviti yang dirancang adalah meliputi 8 teras utama seperti dinyatakan di dalam Dasar Komuniti Negara 2019 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Y.Bhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 17 Februari lalu.




*Antara aktiviti yang dijalankan semasa program berlangsung.*

Teras utama yang dimaksudkan ialah infrastruktur dan penyelenggaraan; kebersihan, alam sekitar dan kesihatan; keselamatan; pendidikan dan kemahiran; keprihatinan terhadap kanak-kanak, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU), wanita, ibu tunggal dan daif; keusahawanan dan perniagaan sosial; perkhidmatan sosial; serta sukan dan rekreasi.

Program Rejuvenasi Pangsapuri 560 Bandar Bukit Puchong mendapat pengiktirafan impak lima bintang oleh Pusat Jaringan Komuniti dan Industri (CCIN) UTM; serta menjadi rujukan pembangunan perumahan kos rendah lain di MPSJ; juga rujukan kepada Program Bangsa Johor Bahagia di bawah naungan DYMM Raja Zarith Sofiah, Permaisuri Johor.







## Southeast Asian Houses: Expanding Tradition

Chapter 3 · Malaysia  
Made to Order—a Place Called Home

Syed Iskandar Ariffin

Paperback: 188 pages  
Publisher: Seoul Selection (July 31, 2017)  
ISBN-10: 1624120954  
ISBN-13: 978-1624120954



## Regionalisme dalam Seni Bina Malaysia

Era Moden, Pascamoden dan Global



Gurupiah Mursib  
Mohd. Tajuddin Mohd. Rasdi



## Regionalisme dalam Seni Bina Malaysia Era Moden, Pascamoden dan Global

Gurupiah Mursib

Paperback: 248 pages  
Publisher: Dewan Bahasa dan Pustaka  
ISBN: 9789834610159

## AKEPT Leadership & Sustainable Development Programme-Issue-based, GloCal & Living Lab Approach & Adaptive Leadership



Dr Irina Safitri Zen (seated, second from left) during the event at Thistle Johor Bahru recently.

**Johor Bahru, 9 March 2019** - AKEPT Sustainability Leadership Program 2019 which ran from the 3rd to 8th March, was a customized program which co-designed and co-organised by Faculty of Built Environment & Surveying, UTM and Academy Leadership for Higher Education (AKEPT). The aim is to expose the leader with local issues on site while addressing the global environmental challenges framed in Sustainable Development Goals 2030. The program deploys the Sustainability Science approach to identify the local issues pertaining the dynamic interactions between man and environment in pursuing sustainable development and come up with the proposed solutions as an earlier effort to support the Johor State Sustainability Policy.

The program was officiated by the Dean of Faculty of Built Environment & Surveying, Prof. Dr. Mohd Hamdan Ahmad and the Acting Director of AKEPT, Assoc. Prof. Dr. Ismie Roha binti Mohamed Jais. It was also attended by the VIPs including the Vice Chancellor of Universiti Teknologi Malaysia, Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid Omar, Rector of International Islamic University Malaysia, Professor Tan Sri Dr. Dzulkifli Abdul Razak and representatives from local stakeholder and NGOs. The program was attended by mid-career academia with various discipline as leaders representing the 20 Higher Education of Institution (HEI) in Malaysia who were selected from AKEPT talent pool.

This time, the program tried to address the issues related with the development in the Southern part of Peninsular Malaysia in pursuing the sustainable development agenda. The program consisted of 30 percent class room lecture and 70 percent of technical site visit and data collection as well as series of focus group discussion, and FGDs. Several 'Living Labs' identified in this program which function as learning sites and data collections are Forest City, Tanjung Kupang for mangrove habitat tracking, two Ramsar Sites; Pulau Kukup & Tanjung Piai, Bugis House at Mukim Serkat followed by the community mapping surrounding Kukup Town, Mukim Serkat & Air Masin, Pontian District in Johor.

The program works as a top-bottom approach of Sustainability Science Policy nexus to operationalise the Sustainability Policy of Johor State in order to propose the Johor State UNESCO Biosphere Reserve, a BRs status.

The program was led by Dr. Irina Safitri Zen, head of Sustainability Research Unit of ISI and the associate fellow of CIPD with the expert team, Dr Gobi Krishna, the senior lecturer URP, FBES and associate fellow of CIPD, Assist. Prof. Nur Hidayah binti Abd Rahman, Tourism Planning, Kuliyah of Language and Management, International Islamic University Malaysia.

## Staff farewell

**Skudai, 31 March 2019** - We celebrated and farewelled a staff member, Mr Faizal Salleh. We wish him all the best in his new role and for the future.

Faizal joined ISI in 2015 as Research Officer for the Malaysia Sustainable Cities Program (MIT-UTM MSCP). Prior to joining ISI, he was an immigration officer in Johor Bahru.

